



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 10 Januari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Tiada larangan warga asing beli minyak peket

Namun ia tertakluk kepada had pembelian sama seperti rakyat Malaysia

KLANG

Tiada larangan untuk warga asing membeli minyak masak peket bersubsidi namun mereka tertakluk kepada had pembelian sama seperti rakyat Malaysia, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau menjelaskan bagaimana pun pihaknya ada menerima cadangan berkaitan larangan itu.

"Kalau kita perlu buat satu sistem (subsidi) hanya untuk minyak peket, ia tindakan yang melibatkan kos untuk kerajaan dan peruncit termasuk kedai runcit kecil," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan kerja di Syarikat Perceptive Logistic Sdn Bhd di Pelabuhan Klang pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika mengulas jika larangan akan dikenakan kepada warga asing untuk membeli minyak masak bersubsidi



Warga asing boleh membeli minyak masak bersubsidi namun tertakluk kepada had pembelian sama seperti rakyat Malaysia.

susulan tularnya video memaparkan warga asing membeli barang itu.

Beliau berkata, pihaknya juga sedang melaksanakan audit yang bermula Oktober tahun lepas hingga Mac ini dengan menyasarkan kilang penapisan dan pembungkusan minyak masak bagi mengetahui sama ada berlaku ketirisan atau penyelewengan.

Dalam pada itu, Armizan memaklumkan projek nintis bagi menguji sistem MySubsidy Diesel KPDN dan sistem Fleet Card syarikat minyak menerusi enam syarikat pengangkutan barang terpilih akan

dilaksanakan berkuat kuasa 1 Februari depan.

Katanya, pelaksanaan projek nintis itu adalah bagi perluasan pembeiran kuota diesel bersubsidi kepada sektor pengangkutan darat (barang) melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0).

"Sesi libat urus telah dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada syarikat perintis dan syarikat minyak tentang panduan untuk memohon kuota dan pelaporan menggunakan Sistem MySubsidy Diesel dan sistem Fleet Card," jelasnya. - Bernama

Sistem MySubsidi Diesel, Fleet Card

6 syarikat mulakan projek rintis Februari

Klang: Satu projek rintis akan dilaksanakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN) untuk menguji Sistem MySubsidi Diesel dan sistem Fleet Card syarikat minyak bermula 1 Februari depan.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata setakat ini enam syarikat pengangkutan barang terpilih untuk projek rintis terbabit iaitu Perceptive Logistic Sdn Bhd, Multimodal Freight Sdn Bhd, Mun Chuen Transport Sdn Bhd, Tan Swee Hee Sdn Bhd, Sim Yew Enterprise Sdn Bhd dan Rantau Panjang Haulage Sdn Bhd.

Sehubungan itu, katanya, enam syarikat terbabit yang bakal luput kuota tangki skid mereka bulan ini akan menerima kuota masing-masing melalui saluran Fleet Card.

"Motif projek ini untuk menguji Sistem MySubsidi Diesel KPDN dan juga sistem Fleet Card syarikat-syarikat minyak sebelum ia dilaksanakan keseluruhan secara industri."

"Sesi libat urus bersama syarikat perintis sudah dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada syarikat perintis dan sya-



Armizan (kanan) ketika mengadakan lawatan kerja di syarikat Perceptive Logistics Sdn Bhd, Bandar Sultan Suleiman, Pelabuhan Klang bagi meninjau persiapan pelaksanaan secara rintis Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0) oleh pihak syarikat di bawah Sektor Pengangkutan Darat (Barangan).

(Foto Faiz Anuar/BH)

rikat minyak tentang panduan untuk memohon kuota dan pelaporan menggunakan Sistem MySubsidi Diesel," katanya selepas sesi lawatan kerja di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Armizan berkata mekanisme penggunaan Fleet Card adalah usaha untuk beralih kepada teknologi digital dalam mengawal selia barang bersubsidi di-bawah KPDN.

Untuk itu, katanya, syarikat

barang terbabit boleh memohon kuota melalui Sistem MySubsidi Diesel KPDN, seterusnya memohon Fleet Card dari pada syarikat minyak yang menjadi pilihan mereka sendiri.

Selain menangani isu kenakan harga barang, beliau berkata peluasan penggunaan saluran Fleet Card kepada sektor barang juga bertujuan menambah baik kaedah kawal selia dalam pemberian kuota diesel ber-

subsidi, supaya hanya kenderaan layak dapat menikmati subsidi diberikan.

"Ia akan dapat menangani risiko ketirisan dan penyeludupan diesel bersubsidi dengan lebih cekap dan efektif melalui kaedah digital."

"Kerajaan akan memastikan keperluan rakyat sentiasa diberikan perhatian utama dalam pelaksanaan sistem ini kelak," katanya.

Kapten kapal mengaku tak bersalah 3 tuduhan pecah amanah seleweng diesel

Kuala Terengganu: Seorang bekas kapten kapal mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen semalam atas tiga tuduhan pecah amanah dengan menyeleweng 61,000 liter minyak diesel yang menyebabkan kerugian hampir RM100,000.

Tertuduh, Azli Mohd Noor, 38, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd Zul Zakiuddin Zulkifli.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh selaku yang diamanahkan menjaga kapal didakwa melakukan pecah amanah dengan menyeleweng 26,000 liter minyak diesel dan menyebabkan kerugian RM41,600.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh di perairan dekat Kuala Terengganu pada 12 Februari 2023.

Tertuduh didakwa mengulangi kesalahan sama membabitkan 20,000 dan

15,000 lagi liter diesel dengan kerugian berjumlah RM32,000 dan RM24,000 pada 20 dan 25 Februari 2023.

Bagi setiap kesalahan itu, tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 408 Kanun Keseksaan berdepan hukuman penjara antara satu hingga 14 tahun dan sebat serta denda, jika sabit kesalahan.

Sejurus pengakuan tidak bersalah tertuduh direkodkan, mahkamah menetapkan 21 Februari depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 untuk semua pertuduhan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Nabihah Hanin Ayim, manakala tertuduh diwakili peguam, Che Amir Che Musa.

Sementara itu, di Mahkamah Majistret, seorang peniaga, Teo Kok Chye, 52, mengaku tidak bersalah atas tuduhan mengambil

dan menjual minyak diesel yang diseleweng itu.

Kok Chye didakwa memindahkan harta curi iaitu mengambil dan menjual 61,000 liter minyak diesel itu dari sebuah kapal yang diketahui sebagai harta curi pada Februari 2023.

Bagi kesalahan itu, tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 414 Kanun Keseksaan itu berdepan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Majistret Nik Mohd Taromzie Nik Mohd Shukri membenarkan tertuduh diikat jamin RM3,000 dengan seorang penjamin sebelum menetapkan 21 Februari depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Aisyah Mohammad manakala tertuduh diwakili peguam, Anisha De Silva.

Bekas kapten kapal didakwa seleleweng 61,000 liter diesel

Kuala Terengganu: Seorang bekas kapten kapal mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas tiga tuduhan menyeleweng 61,000 liter diesel menyebabkan kerugian hampir RM100,000, tahun lalu.

Tertuduh, Azli Mohd Noor, 38, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd Zul Zakiqur-

din Zulkifli.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh selaku yang diamanahkan menjaga kapal didakwa melakukan pecah amanah dengan menyeleweng 26,000 liter diesel dan menyebabkan kerugian RM41,600.

Tertuduh didakwa me-

ngulangi kesalahan sama membabitkan 20,000 liter dan 15,000 liter diesel dengan kerugian berjumlah RM32,000 dan RM24,000 pada 20 serta 25 Februari 2023.

Bagi setiap kesalahan itu, tertuduh yang didakwa mengikuti Seksyen 408 Kanun Keseksaan berdepan hukuman penjara antara satu hingga 14 tahun dan sebat serta denda, jika sa-

bit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nur Nabihah Hanin Ayim, manakala tertuduh diwakili peguam Che Amir Che Musa.

Mahkamah menetapkan 21 Februari depan sebagai tarikh sebutan semula dan membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 untuk semua pertuduhan.

Sementara itu, di Mah-

kamah Majistret, seorang peniaga Teo Kok Chye, 52, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan mengambil dan menjual diesel yang diseleweng terbabit.

Kok Chye didakwa memindahkan harta curi iaitu mengambil dan menjual 61,000 liter diesel itu dari sebuah kapal yang diketahui sebagai harta curi pada Februari 2023.

Tertuduh didakwa me-

ngikut Seksyen 414 Kanun Keseksaan dan sabit kesalahan boleh dipenjarai sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Majistret Nik Mohd Tarminie Nik Mohd Shukri membenarkan tertuduh diikat jamin RM3,000 dengan seorang penjamin sebelum menetapkan 21 Februari depan sebagai tarikh sebutan semula.

Targeted diesel subsidy rollout planned for 2Q

KUALA LUMPUR: A targeted diesel subsidy system is planned for a rollout in the second quarter of this year, according to the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

A pilot project is being carried out among selected companies to receive their diesel quotas through a fleet card from Feb 1, it said.

This will involve six goods transportation companies which will see their Skid Tank quotas expiring this month.

The companies are: Perceptive Logistic Sdn Bhd, Multimodal Freight Sdn Bhd, Mun Chuen Transport Sdn Bhd, Tan Swee Hee Sdn Bhd, Sim Yew Enterprise Sdn Bhd and Rantau Panjang Haulage Sdn Bhd.

The government will implement the Diesel Subsidy Control System 2.0 (DSCS

2.0) which will see the reallocation of subsidies.

The reallocation of the subsidies would also benefit the goods sector, it said.

The DSCS monitors the allocation of subsidised diesel quota to four sectors – the public transport, land logistics, river transporters and the boats/ferries which connect to the country's key islands.

"The new fleet card mechanism is part of the government's efforts to digitise systems to control subsidised goods under the ministry."

"The companies involved may apply for their quotas through the MySubsidi Diesel KPDN System and then proceed to apply for the fleet card from their preferred diesel company," it said.

The ministry said the expansion of the use of the fleet card to the goods sector

under the DSCS 2.0 would help improve the controls to only benefit targeted vehicles.

The expansion to the goods sector would also help stave off the issue of the rising cost of goods when the targeted diesel subsidy system is rolled out, it said.

"This will prevent smuggling and wastage of subsidised diesel in a more efficient and effective manner with the use of technology," it added.

Digitisation will also help reduce the cost of monitoring and enforcement that is being carried out physically, it noted.

According to government data cited by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, the sale of subsidised diesel rose by up to 40% since 2019 while the total number of diesel powered vehicles only rose by less than 3%, which implied an ongoing and serious smuggling activity.



MOHD. FIRDAUS AHMAD

Syarikat umrah, pengarah didakwa

SEREMBAN: Sebuah syarikat pelancongan serta lawatan umrah dan pengarahanya didakwa di Mahkamah Majistret Seremban semalam atas pertuduhan tidak mematuhi perintah award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) kepada dua pihak yang menuntut wang berjumlah RM41,920.

Syarikat Persada Oasis Travel & Tours Sdn. Bhd. yang diwakili pengarahanya, Mohd. Firdaus Ahmad, 38, selaku orang kena saman (OKS) membuat pengakuan bersalah sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret, Nor Hafiza Ishak.

Berdasarkan pertuduhan, syarikat itu dan pengarahanya didakwa gagal mematuhi perintah award TPM yang dibuat di pejabat tribunal itu yang memerintahkan syarikat berkenaan membayar masing-masing RM27,880 dan RM14,040 kepada dua wanita berusia 50-an yang menuntut wang itu dalam tempoh 14 hari dari tarikh award diserahkan pada 27 Jun 2023.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di pejabat TPM di sini pada 26 Julai 2023.

Oleh yang demikian, tertuduh didakwa di bawah Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang membawa hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Khairul Azman Rosli manakala Mohd. Firdaus tidak diwakili peguam.



MOHD. FIRDAUS (kiri) didakwa di Mahkamah Majistret Seremban semalam kerana tidak mematuhi perintah TTPM.

Syarikat umrah, pengarah mengaku ingkar arahan TTPM

SEREMBAN – Sebuah syarikat perkhidmatan umrah dan pengarahan mengaku bersalah di Mahkamah Majistret, di sini semalam atas pertuduhan tidak mematuhi arahan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) kepada dua pihak yang menuntut wang berjumlah RM41,920.

Syarikat Persada Oasis Travel & Tours Sdn. Bhd. yang diwakili pengarahannya, Mohd. Firdaus Ahmad selaku orang kena saman (OKS), 38, membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret, Nor Hafiza Ishak.

Berdasarkan pertuduhan, syarikat itu dan pengarahanya didakwa gagal mematuhi perintah TPM yang memerintahkan syarikat terbabit membayar RM27,880 dan RM14,040

kepada dua wanita berusia 50-an yang menuntut wang itu dalam tempoh 14 hari dari tarikh award diserahkan pada 27 Jun 2023.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di pejabat TPM, di sini pada 26 Julai 2023.

Tertuduh didakwa di bawah Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang membawa hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Khairul Azman Rosli, manakala Mohd. Firdaus tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan 22 Februari ini untuk sebutan semula kes dan hukuman.

Mengaku salah gagal bayar pampasan RM41,920

Seremban: Pengarah syarikat agensi pelancongan dan umrah mengaku bersalah di Mahkamah Majistret, di sini, semalam, atas empat pertuduhan gagal mematuhi pampasan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) perlu dibayar kepada dua individu berjumlah RM41,920, Julai tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Firadaus Ahmad, 38, membuat pengakuan itu di hadapan Majistret Noorhafizah Ishak selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa.

Bagi pertuduhan pertama dan ketiga, tertuduh didapati gagal untuk mematuhi *award* TPM bertarikh 27 Jun tahun lalu yang dibuat di Pejabat TPM Negeri Sembilan memerintahkannya membayar sebanyak RM14,040 kepada Norma Said, 58 dan RM27,880 kepada Azlina Umar, 52 yang menuntut tuntutan itu.

Bagi pertuduhan kedua dan keempat pula, tertuduh sebagai Pengarah syarikat Persada Oasis Travel & Tours Sdn Bhd didakwa melakukan kesalahan sama.

Perbuatan berkenaan didakwa dilakukan di syarikat yang terletak di Taman Ostia Bangi, Bandar Baru Bangi, Selangor pada 26 Julai tahun lalu.

Justeru, tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan boleh dihukum mengikut Seksyen dan akta sama.

Tertuduh boleh denda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Di samping itu, Mahkamah juga menetapkan tarikh 22 Februari depan untuk fakta pertuduhan dan hukuman.

Kes berkenaan dikenyalikan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Khairul Azman Rosli manakala OKS tidak diwakili peguam.

Mengaku salah gagal bayar tuntutan jemaah

SEREMBAN - Pengarah syarikat agensi pelancongan dan umrah mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini pada Selasa atas empat pertuduhan gagal mematuhi award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) kepada dua individu berjumlah RM41,920, Julai tahun lalu.

Mohd Firdaus Ahmad, 38, membuat pengakuan itu di hadapan Majistret Noor Hafiza Ishak selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa.

Mengikut pertuduhan, orang kena saman (OKS) didapati gagal selepas 14 hari dari tarikh award diserahkan untuk mematuhi award TPM bertarikh 27 Jun 2023 yang dibuat di Pejabat TPM Negeri Sembilan yang merintahkannya membayar RM14,040 kepada Norma Said dan RM27,880 kepada



Mohd Firdaus (kiri) diiring pegawai KPDN di Mahkamah Majistret Seremban pada Selasa.

Azrina Umar yang menuntut tuntutan tersebut.

Pengarah Persada Oasis Travel & Tours Sdn Bhd itu turut didakwa melakukan kesalahan yang sama.

Perbuatan itu dilakukan di

syarikat itu di premis beralamat di Taman Ostia Bangi, Bandar Baru Bangi, Selangor pada 26 Julai 2023.

Berikutan itu OKS telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 117(1) Akta

Perlindungan Pengguna 1999 dan boleh dihukum di bawah seksyen dan akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Sekiranya kesalahan yang berterusan, boleh sebagai tambahan kepada penalti boleh didenda tidak kurang daripada RM100 dan tidak melebihi RM5,000 bagi setiap hari atau sebahagian hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Mahkamah menetapkan 22 Februari depan untuk fakta pertuduhan dan hukuman.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Khairul Azman Rosli manakala OKS tidak diwakili peguam.

Umrah agency, director charged

SEREMBAN: A company handling *umrah* packages and its director were charged in a Magistrate's Court yesterday with failing to comply with an order by the Malaysian Consumer Claims Tribunal (MCCT) to pay claims totalling RM41,920 to two women.

The company, Persada Oasis Travel & Tours Sdn Bhd, represented by its director Mohd Firdaus Ahmad, 38, pleaded guilty to the charge before Magistrate Nor Hafiza Ishak.

They were charged with failing to comply with the MCCT award order that required the company to pay RM27,880 and RM14,040 in claims made by two women within 14 days from the date the award was issued, which was June 27, 2023.

The offence was allegedly committed at the MCCT office on July 26, 2023. The charge was framed under Section 117(1) of the Consumer Protection Act 1999, which provides a maximum fine of RM10,000 or imprisonment of up to two years, or both.

The prosecution was conducted by Domestic Trade and Cost of Living Ministry prosecuting officer Khairul Azman Rosli, while Mohd Firdaus was unrepresented.
— Bernama

Jamin tiada lagi isu makanan mahal

Kes harga melampau berlaku di Pulau Pangkor dianggap terpencil

Oleh NORMAWATI ADNAN
TAIPING

Kerajaan negeri Perak memberi jaminan isu harga makanan mahal seperti yang tular melibatkan sebuah premis di Teluk Nipah, Pulau Pangkor minggu lalu tidak berulang.

Exco Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Perak, Loh Sze Yee berkata, langkah sejajarnya telah pun diambil pihak berkuasa termasuk melakukan periksaan dan tindakan di bawah peruntukan perundungan sedia ada.

"Kerajaan negeri akan berusaha keras memastikan harga makanan ini di bawah kawalan. Kita pun sudah mengarahkan pihak berkuasa menjalankan pemantau-



Sze Yee (dua dari kiri) menyaksikan majlis MoU antara Nurmalis (tiga dari kiri) dengan Chuah Chaw (tiga dari kanan) di Spritzer EcoPark, Taiping pada Selasa.

an dan serbuan sekiranya perlu. "Semua ini kita lakukan untuk menjaga kepentingan pelancong dan sebagai jaminan tiada penilaia yang mengambil kesempatan dalam tempoh Tahun Melawat Perak 2024," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Tourism Perak diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Nurmalis Musa dengan

Pengarah Chuan Sin Sdn Bhd, Dr Chuah Chaw Teo di Spritzer EcoPark di sini pada Selasa.

Sze Yee berkata, kes yang berlaku di pulau peranginan bebas cukai itu adalah kes terpencil dan bukannya melibatkan keseluruhan premis makanan.

Sebelum ini, tular video di aplikasi TikTok dan Facebook dikongsikan pengguna meluahkan rasa tidak puas hati dengan sebuah kedai makanan laut me-

ngenakan harga RM142 untuk hidangan ikan siakap bakar, tom yam, telur dadar, udang goreng tepung dan air kosong untuk dua orang.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Perak yang menjalankan pemeriksaan mendapati, premis itu tidak meletakkan tanda harga ke atas hasil laut yang belum dimasak serta didapati tidak menggunakan alat timbangan dalam urusan penjualan.

Tubuh pasukan khas hapus kartel

Dalang kartel makanan perlu hukuman berat

Oleh NURATIKAH ATHILYA HASSAN SHAH ALAM

K eraajaan perlu mewujudkan pasukan petugas khas bagi memberi fokus terhadap penghapusan kartel semua jenis makanan yang dibawa masuk ke negara ini.

Pakar Kriminologi, Shahul Hamid Abd Rahim berkata, hukuman berat juga perlu dikenakan terhadap syarikat atau mana-mana individu yang menjadi dalam dalam kegiatan tersebut.

Menurutnya, pasukan khas itu boleh ditubuhkan dengan kerjasama antara KPKM ber-

sama beberapa pihak lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Kerajaan perlu berani dan tegas untuk tangani isu kartel ini dengan serius. Tubuhkan pasukan khas, kenal pasti siapa yang terlibat dan jatuhkan hukuman yang berat kepada mereka."

"Sekiranya ia masih berada dalam negara, selagi itulah harga barang akan turun naik tanpa kawalan yang betul. Jadi kalau mahu hapuskan, kena lakukan dengan serius," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Sebelum ini, KPKM dilaporkan bersedia untuk menjalankan audit terhadap pemegang lesen borong beras, eksport, import, kilang padi, membeli padi, beras runcit dan kelulusan khas menjual benih padi bagi benih padi sah (BPS) bagi membanteras isu tersebut.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kira-



“

Kerajaan perlu berani dan tegas untuk tangani isu kartel ini dengan serius. Tubuhkan pasukan khas, kenal pasti siapa yang terlibat dan jatuhkan hukuman yang berat kepada mereka.”

- Shahul Hamid

kira 39,000 daripada mereka terlibat dalam industri makanan itu.

Ujar Mohamad, situasi kini masih terkawal dan beransur pulih tetapi pihaknya tidak teragak-agak untuk melakukan serbuan mengejut sekiranya masih terdapat laporan mengenai masalah sama.

Mengulas lanjut, Shahul berkata, isu kartel bukan perkara baharu dan tanpa tindakan tegas, ia akan tetap berkembang


dan kekal dalam pasaran.

"Lakukan penghapusan kartel dahulu kerana mereka yang mengawal harga dan segala-galanya sehingga kerajaan pula yang terpaksa mengikuti kehendak mereka," katanya.

Dalam pada itu, Shahul Hamid turut mengingatkan orang ramai untuk segera melaporkan kegiatan sorok stok melibatkan semua jenis makanan kepada pihak berwajib.



KPKM sedia audit perniagaan industri beras



Mohamed Shukir, dan ahli kabinet menghadiri sesi awam projek pembangunan bantuan teknikal KPKM di Kompleks Sinar Harian. Berikut pada foto:



BACHOK - Kementerian Perdagangan dan Koperatiran Muzium (KPKM) akan memulakan audit beras di negeri Kelantan pada hari ini. KPKM mengatakan, pelaksanaan audit ini adalah hasil kerjasama dengan Badan Pengurusan Bantuan Hargaya (BPHB) dan merupakan sebahagian daripada program pengurusan dan pembangunan bantuan terhadap sektor beras, eksport, import, kilang padi, merabuk padi, serta halal sejati.

Laporan Sinar Harian pada Selasa.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MyCC siasat kartel beras

Oleh NURULIRDINA SUMALI

irdina.sumali@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Bahagian Pengawalan Padi dan Beras akan mengadakan mesyuarat dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pada 19 Januari ini bagi menyiasat segera isu berkaitan dakwaan wujud kartel yang menekan nasib pesawah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengaruhnya, Datuk Azman Mahmood berkata, sekiranya didapati ada pemegang lesen berkaitan padi dan beras gagal mematuhi syarat atau melanggar peraturan ditetapkan, mereka akan dikenakan kompaun atau didakwa di mahkamah.

Katanya, bagi pemegang lesen padi benih pula, lesen mereka akan dibatalkan kalau melanggar syarat.

“Langkah ini bagi memastikan ketelusan serta mengesahkan semua aktiviti mereka tidak melanggar mana-mana syarat.

“Jika didapati bersalah, mereka akan dikenakan kompaun atau didakwa di mahkamah untuk pemegang lesen yang langgar kecuali pemegang lesen padi benih akan dibatalkan lesen kalau langgar syarat.

“Kita akan adakan mesyuarat bersama MyCC bagi menyiasat perkara ini secara keseluruhan,” katanya di sini, semalam.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* mendedahkan mengenai kewujudan kartel yang menekan nasib pesawah.

Gabungan Pengilang Beras Malaysia mendakwa ada kartel yang dimonopoli oleh empat hingga lima syarikat besar dalam menentukan harga padi, beras serta pembekal benih.

Kartel itu juga dikatakan memonopoli lebih 60 peratus pengeluaran beras negara.

Bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan

Makanan menafikan dakwaan kewujudan kartel atau mafia yang dikatakan bertindak menjentik harga padi di negara ini sambil memaklumkan sebanyak 39,000 lesen pelbagai jenis dikeluarkan dalam indus-

tri tersebut.

Dalam pada itu, Azman memberi jaminan bersedia untuk mengaudit semula 39,000 pemegang lesen bagi urus niaga padi dan beras negara seperti diperkatakan Menteri

Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau memberitahu, pihaknya sentiasa bersedia untuk mengaudit sekiranya disyorkan oleh menteri.

Pantau syarikat bawa masuk pekerja elak negara tempat lambakan warga asing

Pendedahan Pertubuhan Kebangsaan Sumber Manusia Malaysia (PUSMA) mengenai kewujudan lebih 100 syarikat dipercayai didalangi warga Bangladesh amat mengejutkan, ia menimbulkan persoalan, antaranya bagaimana syarikat berkenaan boleh berdaftar dan beroperasi tanpa kawalan atau pemantauan.

Kedua, adakah kewujudan syarikat terbabit disedari kerajaan, khususnya Kementerian Dalam Negeri (KDN) manakala modus operandinya diketahui Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Semua persoalan ini harus dijawab kementerian dan agensi berkaitan kerana sudah tentu ia menjadi punca kebanjiran lebih setengah juta warga asing 'menganggur' di negara ini.

Secara logik, tidak mungkin kementerian dan agensi terbabit tidak menyedari kewujudan syarikat 'runner' membawa masuk warga Bangladesh melebihi permintaan atau keperluan majikan di negara ini. Pastinya ada motif terselindung di sebalik aktiviti perniagaan ini.

Atas faktor ini juga, masyarakat sering melontarkan permasalahan 'mengapa terlalu banyak warga asing' di negara ini, terutama selepas sempadan negara dibuka pasca pandemik COVID-19. Apakah tidak ada mekanisme tertentu dilaksanakan bagi mengawal dan menapis kemasukan ribuan warga asing ini atau kemasukan mereka menggunakan alasan hendak 'memenuhi permintaan majikan'.

Jika benar dakwaan PUSMA yang warga Bangladesh ini memang sengaja dilambakkkan ke Malaysia untuk bermastautin, bekerja dan mencebur pelbagai jenis pekerjaan atau sektor ekonomi serta tidak akan kembali ke negara asal, hal ini sangat membimbangkan kerana ia menyentuh aspek kedaulatan dan maruah negara.

Walaupun langkah membenarkan warga asing menuahkan syarikat perniagaan di negara ini selari dengan dasar liberalisasi perdagangan, namun tindakan syarikat 'runner' ini membawa masuk warga asing tanpa sekatan dibimbangi menimbulkan rantaian masalah lain seperti peningkatan masalah sosial dan ekonomi.

Sepatutnya, pertimbangan dan kewajaran membawa masuk warga asing ini turut mengambil kira implikasi ekonomi serta sosial bakal dihadapi negara serta rakyat tempatan. Implikasi ini termasuk persaingan untuk mendapatkan bekalan barang keperluan harian dan makanan di antara warga asing dan orang Malaysia.

Kerajaan tidak boleh berlembut lagi dengan pihak dan syarikat didalangi warga asing ini yang menyebabkan kebanjiran 'kaum kerabat' mereka. Pendedahan PUSMA ini hanya membabitkan syarikat 'runner' didalangi warga Bangladesh saja. Maka tidak mustahil ada syarikat didalangi warga asing lain turut melakukan aktiviti sama membawa masuk kaum kerabat mereka ke sini.

Justeru, aspek pemantauan, kawalan, tapisan dan sekatan perlu dilakukan oleh kementerian berkaitan bagi membendung kemasukan tanpa had warga asing ke Malaysia. Dasar liberalisasi perdagangan sepertunya dikawal dan dipastikan tidak dijadikan alat melambakkkan warga asing ke negara ini.

Leong Hup appeals against MyCC's decision

KUALA LUMPUR: Leong Hup International Bhd has appealed against the Malaysia Competition Commission's (MyCC) decision to fine its wholly-owned subsidiary Leong Hup Feedmill (M) Sdn Bhd as an alleged member of a poultry feed price-fixing cartel.

In a filing with Bursa Malaysia yesterday, Leong Hup said it had filed a notice of appeal with the Competition Appeal Tribunal and applied for a stay on MyCC's decision.

"Further announcements will be made as and when there is material development on the above matter," the company said in the statement.

On Dec 22, MyCC said it had imposed a penalty of nearly RM415.5mil against five poultry feed manufacturers for infringing section 4 of the Competition Act 2010 (Act 712) by forming a price-fixing cartel for poultry feed.

The companies were Leong Hup Feedmill (M) Sdn Bhd, FFM Bhd, Gold Coin Feedmills

(M) Sdn Bhd, Dindings Poultry Development Centre Sdn Bhd and PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd.

The commission said its investigation uncovered evidence of identical increments in poultry feed prices among the parties from January 2020 to June 2022, in addition to the finding that the five enterprises had employed a calculated strategy to create the illusion of rising poultry feed costs due to hikes in raw material costs. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

'Saya tidak pernah tandatangan SD'

KLANG: Polemik 'langkah Dubai' sebagai cubaan untuk menjatuhkan kerajaan perlu dihentikan dan pemimpin politik di kedua-dua blok perlu maju kedepan bagi meneruskan agenda rakyat.

Ahli Parlimen Papar dari-pada Gabungan Rakyat Sabah (GRS), Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, tidak berlaku perubahan sokongan partinya terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Malah menurutnya, beliau sendiri tidak pernah menandatangani sebarang akuan bersumpah (SD) yang dikaitkan dengan langkah tersebut untuk menjatuhkan Kerajaan Perpaduan.

"Saya tidak pernah sign SD, bagi saya cukup-cukuplah. Kita tidak perlu diskusikan perkara itu, kita perlu masa yang ada untuk digunakan sepenuhnya meneruskan agenda ditetapkan.

"Sebagai pemimpin dari Sabah dalam GRS, saya rasa *my concern is*, kita melihat kepada kepimpinan kerajaan sedia ada memberikan komitmen amat tinggi dan pelbagai perancangan antara Kerajaan Perpaduan dan Kerajaan Negeri Sabah yang digariskan untuk menangani isu-



ARMIZAN MOHD. ALI

isu legasi," katanya semalam.

Tambahnya, tindakan tersebut merupakan langkah ke belakang dan jika dilakukan akan menggagalkan agenda dan kerjasama digariskan untuk rakyat Sabah.

"Maju kedepan selesaikan tempoh kerajaan sedia ada dan agenda yang sudah diatur demi kepentingan rakyat dan sebagai GRS untuk kepentingan Sabah itu sendiri," tegasnya.

Beliau turut menjelaskan keadaan politik Negeri Di Bawah Bayu itu harmoni dan tidak berlaku sebarang kepincangan atau 'ribut' seperti didakwa.

SAYA TAK PERNAH TANDATANGAN SD - ARMIZAN



5

'Saya tak tandatangan apa-apa SD'

Armizan nafi didatangi mana-mana pihak bagi tujuan jatuhkan kerajaan pimpinan Anwar

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

Ahli Parlimen Gabungan Rakyat Sabah (GRS), Datuk Armizan Mohd Ali menegaskan beliau tidak menandatangi sebarang akuan berkanun (SD) untuk menjatuhkan kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Armizan yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup berkata, beliau juga me-

ngakui tidak pernah di-datangi mana-mana pihak bagi tujuan berkenaan.

"Saya tak pernah tandatangan apa-apa SD dan tiada siapa dekati saya pun," katanya ketika ditemui media pada Selasa.

Beliau berkata demikian mengulas dakwaan kononnya GRS menyokong usaha untuk menjatuhkan pentadbiran Anwar selepas timbul kontroversi oleh penulis blog, Raja Petra Raja Kamaruddin yang mengatakan pembangkang kini berjaya memperoleh 120 SD ahli Parlimen.

Bagaimanapun, Armizan menjelaskan, perkara dan sentimen sebegitu tidak wajar dimainkan kerana ia hanya berpotensi merencatkan kemajuan negara pada masa akan datang.



ARMIZAN

Menurutnya, ia tidak perlu dibahaskan lagi dan sebaiknya memberikan tumpuan kepada agenda yang lebih penting.

"Sebagai pemimpin dari Sabah, saya fikir keprihatinan kita adalah melihat pimpinan Kerajaan Perpaduan se-dia ada telah memberikan komitmen sangat tinggi dan macam-macam perancangan dengan ke-

rajaan negeri yang digariskan untuk menangani isu-isu legasi.

"Saya yakin kita tidak akan melangkah ke belakang dan bertindak sendiri untuk menggagalkan segala perancangan yang digariskan."

"Jadi, bergeraklah ke depan, selesaikan tempoh kerajaan yang sedia ada dan segala agenda yang sudah diatur untuk kepentingan rakyat," ujarnya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 10 JANUARI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
10-Jan	WARGA ASING BELI MINYAK MASAK PAKET	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/tiada-larangan-warga-asing-beli-minyak-masak-paket/	UTUSAN MALAYSIA
10-Jan	SELUDUP GULA	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1048740/cubaan-seludup-gula-ke-thailand-gagal	HARIAN METRO
10-Jan	KENAIKAN HARGA BAWANG	https://malaysiagazette.com/2024/01/09/tindakan-ke-atas-peniaga-naikkan-harga-bawang-kpdn-p-pinang/	MALAYSIA GAZETTE
10-Jan	KENAIKAN HARGA BAWANG	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1198121/harga-bawang-india-meningkat-susulan-sekatan-eksport-sehingga-mac	BERITA HARIAN
10-Jan	KENAIKAN HARGA BAWANG	https://www.kosmo.com.my/2024/01/09/harga-bawang-meningkat-sebab-india-sedang-pilihan-raya/	KOSMO
10-Jan	KENAIKAN HARGA BAWANG	https://consumer.org.my/ms/kenaikan-mendadak-harga-bawang/	CONSUMER ASSOCIATION OF PENANG
10-Jan	SUBSIDI DIESEL DAN FLEET CARD	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1198108/projek-rintis-sistem-mysubsidi-diesel-dan-fleet-card-bermula-1	BERITA HARIAN
10-Jan	SUBSIDI DIESEL DAN FLEET CARD	https://malaysiagazette.com/2024/01/09/kpdn-laksana-projek-rintis-fleet-card-1-februari-ini-armizan/	MALAYSIA GAZETTE
10-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	https://www.kosmo.com.my/2024/01/09/empat-lagi-syarikat-umrah-disiasat/	KOSMO
10-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/09/syarikat-pengendali-umrah-pengarah-didakwa-gagal-bayar-award-tribunal-pengguna/	FREE MALAYSIATODAY

10-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	https://thesun.my/cerita/berita/syarikat-pengendali-umrah-pengarah-didakwa-gagal-patuhi-award-tribunal-tuntutan-pengguna-AP11963003	THESUN
10-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	https://www.kosmo.com.my/2024/01/09/syarikat-kontraktor-didakwa-ingkar-bayaran-award-rm25000/	KOSMO
10-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	https://www.sinarharian.com.my/article/643420/berita/semasa/kontraktor-palsu-didakwa-gagal-patuhi-award-ttpm	SINARHARIAN
10-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/syarikat-lawatan-umrah-pengarah-didakwa-gagal-patuhi-award-ttpm/	UTUSAN MALAYSIA
10-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	https://mykmu.net/2024/01/09/pengarah-persada-oasis-travel-mengaku-salah-gagal-bayar-tuntutan-jemaah/	MYKMU.NET
10-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/syarikat-pelancongan-umrah-mengaku-salah-gagal-patuhi-award-ttpm-453260	ASTRO AWANI
10-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	https://bebasnews.my/2024/01/09/pengarah-syarikat-umrah-mengaku-salah/	BEBASNEWS
10-Jan	RAMPASAN BOT DAN MINYAK PETROL	https://www.dailyexpress.com.my/news/226623/boat-with-petrol-seized-in-semporna/	DAILY EXPRESS
10-Jan	LESEN PADI BERAS	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/kpkm-sedia-audit-39000-lesen-padi-beras/	UTUSAN MALAYSIA

10-Jan	WARGA ASING BELI MINYAK MASAK PAKET	https://www.themalaysianinsight.com/s/479431	THE MALAYSIA INSIGHT
10-Jan	WARGA ASING BELI MINYAK MASAK PAKET	https://malaysiagazette.com/2024/01/09/tiada-halangan-warga-asing-beli-minyak-masak-peket-armizan/	MALAYSIA GAZETTE
10-Jan	SUBSIDI DIESEL DAN FLEET CARD	https://malaysiagazette.com/2024/01/09/kpdn-laksana-projek-rintis-fleet-card-1-februari-ini-armizan/	MALAYSIA GAZETTE
10-Jan	SUBSIDI DIESEL DAN FLEET CARD	https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2024/01/999211/govt-test-diesel-subsidy-card-system-feb-1	NEW SRAITS TIMES
10-Jan	SUBSIDI DIESEL DAN FLEET CARD	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/menteri-kpdn-umum-senarai-enam-syarikat-terlibat-di-bawah-skds-20-x8ralby	ASTRO AWANI
10-Jan	SUBSIDI DIESEL DAN FLEET CARD	https://www.freemalaysiatoday.com/amp/category/bahasa/tempatan/2024/01/09/kpdn-uji-sistem-kad-subsidi-diesel-bulan-depan/	FREEMALAYSIATODAY
10-Jan	RAMPASAN PAKAIAN JENAMA TIRUAN DI RUMAH PPR	https://malaysiagazette.com/2024/01/09/timbunan-baju-tiruan-di-rumah-ppr-lelaki-ditahan-bantu-siasatan/	MALAYSIA GAZETTE
10-Jan	RAMPASAN PAKAIAN JENAMA TIRUAN DI RUMAH PPR	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2260998	BERNAMA
10-Jan	RAMPASAN PAKAIAN JENAMA TIRUAN DI RUMAH PPR	https://thesun.my/cerita/kpdn-p-pinang-rampas-pakaian-berjenama-tiruan-bernilai-rm40400-KP11965825	THESUN
10-Jan	RAMPASAN PAKAIAN JENAMA TIRUAN DI RUMAH PPR	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/01/1048897/raih-jualan-rm1000-sehari-stok-penuh-rumah-ppr	HARIAN METRO

10-Jan	9 SEKTOR BARANGAN DIPERTIMBANGKAN	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/9-sektor-barangan-dikenal-pasti-layak-dipertimbangkan-menteri-kpdn-x8ralh3	ASTRO AWANI
10-Jan	KENAIKAN HARGA BAWANG	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/harga-bawang-kpdn-akui-harga-naik-usaha-stabilkan-harga-dilakukan-453309?amp=1	ASTRO AWANI
10-Jan	KENAIKAN HARGA BAWANG	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/01/1048768/kpdn-akui-bawang-mahal	HARIAN METRO
10-Jan	ELAK DIBULI PENIAGA	https://www.bharian.com.my/amp/bisnes/lain-lain/2024/01/1198205/lemon-law-elak-pengguna-terus-dibuli-peniaga	BERITA HARIAN
10-Jan	PEMANTAUAN HARGA	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/kes-peniaga-jual-makanan-mahal-tidak-jejas-kedatangan-pelancong/	UTUSAN MALAYSIA
10-Jan	RAMPASAN BOT DAN MINYAK PETROL	https://www.dailyexpress.com.my/news/226623/boat-with-petrol-seized-in-semporna/	DAILY EXPRESS

10-Jan	HARTA INTELEK	https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2024/01/1197920/usah-sembarangan-guna-harta-intelek-jana-perniagaan	BERITA HARIAN
10-Jan	PENGESAHAN MAJIKAN BER-DAFTAR SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA	https://thesun.my/local_news/saifuddin-verification-process-for-rtk-20-ends-on-march-31-GP11965333#google_vignette	THESUN
10-Jan	HARTA INTELEK	https://utusantv.com/2024/01/09/waris-mahaguru-gayong-daftar-hak-intelek-silat-seni-gayong/	UTUSAN MALAYSIA